

Analisis 200 Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi dalam buku Bahasa Melayu Tinggi terpilih

Analysis of 200 Advanced Malay Vocabulary in Selected Advanced Malay Books

Nornabilah Md Daud* & Mohamad Rozi Kasim

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Correspondence email: nabilahdaud22@gmail.com

Published: 18 April 2024

To cite this article (APA): Md Daud, N., & Kasim, M. R. (2024). Analisis 200 Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi dalam Buku Bahasa Melayu Tinggi terpilih. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 1–13. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.1.2024>

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan dengan analisis 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam buku bahasa Melayu tinggi terpilih. Bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan konsep dan pemikiran yang teknikal dan maju serta berfungsi sebagai sarana budaya tinggi (Nik Safiah Karim, 1986: 7). Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam buku bahasa Melayu tinggi terpilih disamping menghuraikan justifikasi pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang disenaraikan dan membandingkan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi dengan kosa kata bahasa Melayu rendah. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif, iaitu kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data berkaitan kosa kata bahasa Melayu tinggi. Kajian ini melibatkan lima orang guru bahasa Melayu sekolah menengah di Kajang, Selangor. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa 200 kosa kata yang disenaraikan merupakan kosa kata bahasa Melayu tinggi yang menepati ciri-ciri bahasa Melayu tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang mematuhi peraturan tatabahasa dan merupakan bahasa yang rapi. Jelaslah bahawa, kosa kata bahasa Melayu tinggi ini merupakan kosa kata dalam bahasa ilmu yang dapat melambangkan keintelektualan individu yang menggunakannya.

Kata kunci: Kosa kata, bahasa Melayu tinggi, tatabahasa, keintelektualan

Abstract

This study is a study related to the analysis of 200 high Malay vocabulary in selected high Malay books. Advanced Malay is a language used to express technical and advanced concepts and thoughts and functions as a means of advanced culture (Nik Safiah Karim, 1986: 7). This study aims to identify 200 high Malay vocabulary in selected high Malay books in addition to explaining the justification for the selection of the 200 listed high Malay vocabulary and comparing high Malay vocabulary with low Malay vocabulary. The design of this study is qualitative, that is, this study uses library methods to obtain data related to advanced Malay vocabulary. This study involved five secondary school Malay teachers in Kajang, Selangor. The results of this study found that the 200 vocabulary words listed are high Malay vocabulary that meet the characteristics of the high Malay language. This is said to be so because high Malay is a language that obeys the rules of grammar and is a neat language. It is clear that this high Malay vocabulary is a vocabulary in the language of knowledge that can symbolize the intellectuality of the individual who uses it.

Keywords: Vocabulary, high Malay language, grammar, intellectuality

PENGENALAN

Dalam konteks pendidikan, bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar yang digunakan di sekolah. Penggunaan bahasa Melayu di sekolah ini merupakan bahasa standard yang dapat difahami dan dikuasai oleh guru-guru dan murid-murid seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 dalam Perkara 17 yang memperuntukkan bahasa kebangsaan perlu menjadi bahasa pengantar utama di institusi pendidikan negara kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini (Universiti Malaysia Sabah, 2020). Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu ini seharusnya dipelajari dan dikuasai oleh semua murid yang menuntut di institusi pendidikan negara Malaysia tidak kira kaum atau bangsa kerana bahasa Melayu digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi dalam menyampaikan ilmu kecuali sekolah-sekolah di bawah seksyen 28 yang terdapat dalam Akta Pendidikan 1996.

Namun begitu, bagi melahirkan insan yang mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik daripada pelbagai aspek, kemahiran penggunaan bahasa Melayu tinggi perlu didedahkan kepada mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa Melayu tinggi ini mementingkan kegramatisan dalam berbahasa (Sinar Harian, 2020). Bahasa Melayu tinggi merupakan ragam bahasa Melayu yang digunakan untuk melahirkan konsep dan pemikiran yang teknikal dan maju serta dapat berfungsi sebagai sarana budaya tinggi (Nik Safiah Karim, 1986: 7). Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu tinggi mempunyai peraturan-peraturan bahasa yang menekankan kesempurnaan dalam berbahasa dan digunakan dalam penyampaian ilmu dan urusan rasmi. Kesempurnaan berbahasa ini merangkumi pelbagai aspek seperti tatabahasa, subjek, predikat, imbuhan dan susunan ayat yang gramatis menunjukkan penggunaan bahasa itu tepat dan dapat disampaikan kepada pendengar.

Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu tinggi mempunyai ciri-ciri yang dapat membezakan antara penggunaan bahasa Melayu standard dengan bahasa Melayu tinggi, iaitu bahasa Melayu tinggi bersifat sempurna dengan penggunaan sistem ejaan, sistem sebutan, tatabahasa yang teratur dan perkamusan yang tepat dalam penggunaannya. Selain itu, bahasa Melayu tinggi juga mempunyai istilah-istilah tertentu bergantung kepada sesuatu bidang ilmu dan kosa kata yang digunakan adalah pelbagai mengikut konteks seperti dalam bidang undang-undang, perubatan, ekonomi dan sebagainya (Abdul Hamid Mahmood, 2000: 3). Bahasa Melayu tinggi juga mempunyai ciri-ciri keintelektualan bahasa dan kesempurnaan bahasa. Keintelektualan bahasa bermaksud pengembangan kata yang dilakukan melalui proses menambahkan istilah-istilah baharu dalam bahasa Melayu manakala kesempurnaan bahasa merupakan bahagian-bahagian yang menjadikan bahasa itu sempurna, tepat, berkesan dan sesuai digunakan dalam konteks tertentu (Nik Safiah Karim, 1986: 7).

PERNYATAAN MASALAH

Isu penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat merupakan satu isu yang tidak asing lagi diperdebatkan dalam media massa pada masa ini akibat penggunaannya semakin dipinggirkan oleh sesetengah masyarakat di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap masyarakat Malaysia itu sendiri yang tidak mementingkan penggunaan bahasa Melayu dan mengagungkan penggunaan bahasa asing dalam komunikasi seharian mereka (Berita Harian, 2016). Tambahan lagi, pengaruh budaya barat yang semakin menular dalam kalangan masyarakat menyebabkan sesetengah masyarakat lebih memilih untuk bertutur dengan menggunakan bahasa asing kerana mahu mengikuti aliran masa ini dan dianggap tidak ketinggalan zaman. Masalah ini telah menyumbang kepada lunturnya penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja.

Justeru itu, kurangnya pendedahan mengenai penggunaan bahasa Melayu telah menyebabkan bahasa Melayu tinggi kurang diamalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada masa ini sudah terbiasa disajikan dengan bahasa Melayu rendah terutamanya dalam penggunaan media massa. Sebagai contoh, penggunaan media sosial yang dekat dengan masyarakat pada masa ini banyak menggunakan bahasa yang mengandungi percampuran kod (Utusan Malaysia, 2022). Masalah ini akan menjadi lebih membimbangkan apabila pengguna yang terdiri daripada golongan remaja terutamanya mudah terpengaruh dengan penggunaan bahasa di media sosial dan mengaplikasikan penggunaan bahasa tersebut dalam komunikasi seharian mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan remaja

merupakan golongan yang paling tinggi menggunakan media sosial, iaitu 87.4 peratus berbanding golongan dewasa (Berita Harian, 2023). Oleh itu, golongan remaja akan menuturkan bahasa yang mengandungi percampuran kod atau bahasa Melayu rendah berbanding bahasa Melayu yang betul disebabkan kurangnya pengetahuan terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul dan akan menyebabkan penggunaan bahasa Melayu tinggi akan hilang daripada pengetahuan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, penggunaan bahasa slanga juga amat membimbangkan pada masa ini. Golongan remaja terutamanya merupakan golongan yang sering menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi seharian mereka lebih-lebih lagi di media sosial (Julaina Nopiah dan Nratikah Lawi, 2023). Kebanjiran penggunaan bahasa slanga ini telah merosakkan keindahan penggunaan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa slanga yang digunakan mempunyai banyak kesalahan bahasa seperti singkatan perkataan 'aper' (apa), 'sape' (siapa) dan 'sajer' (saja) dan lebih membimbangkan apabila terdapat isu kesantunan bahasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat, iaitu mereka menggunakan kata yang bersifat cacian, makian, hinaan dan sebagainya di media sosial (Utusan Malaysia, 2021). Malahan, wujudnya filem-filem tempatan yang menggunakan bahasa slanga menyebabkan masyarakat terutama golongan remaja, terpengaruh dan mengikut penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian mereka. Masalah ini telah menyebabkan penguasaan terhadap bahasa Melayu tinggi semakin lemah dalam kalangan remaja.

Justeru itu, masyarakat di Malaysia pada masa ini kebanyakannya menguasai lebih daripada satu bahasa. Kemampuan mereka untuk berkomunikasi dengan menggunakan dua bahasa yang berbeza memberi kesan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam diri mereka (Atika Hassan, 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana kemampuan mereka untuk berkomunikasi dengan menggunakan lebih daripada satu bahasa akan menyebabkan percampuran kod berlaku dalam komunikasi seharian mereka. Misalnya, masyarakat pada masa ini berkomunikasi dengan menggunakan bahasa rojak, iaitu penggunaan bahasa Melayu yang dicampur dengan penggunaan bahasa Inggeris. Masalah ini telah menyebabkan masyarakat bersikap sambil lewa terhadap aspek-aspek bahasa yang perlu dipatuhi oleh pengguna bahasa seperti tatabahasa, susunan ayat, ejaan dan sebutan. Oleh itu, kurangnya pendedahan mengenai penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam kalangan murid-murid.

Tambahan lagi, keputusan kerajaan menetapkan penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek sains dan matematik di sekolah menjadi salah satu faktor bahasa Melayu tinggi kurang digunakan di sekolah (Berita Harian, 2022). Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid akan terbiasa dengan penggunaan istilah bahasa Inggeris sedangkan dalam penggunaan bahasa Melayu tinggi istilah sains atau laras sains telah diserap ke dalam bahasa Melayu tinggi kerana menjadi salah satu laras ilmu dalam bahasa Melayu tinggi. Kerajaan atau pihak pendidikan seharusnya menetapkan supaya kosa kata bahasa Melayu tinggi didedahkan kepada murid-murid di sekolah berbanding penggunaan bahasa Inggeris supaya penggunaan bahasa Melayu tinggi dapat dipupuk dalam kalangan murid-murid dan menjadikan bahasa Melayu tinggi itu sebagai bahasa dalam bidang pendidikan sesuai dengan konsep bahasa Melayu tinggi itu sendiri, iaitu bahasa yang digunakan sebagai pengantar ilmu.

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini, kajian ini akan menganalisis 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam buku bahasa Melayu tinggi terpilih. Hal ini dikatakan demikian kerana kosa kata bahasa Melayu tinggi kurang digunakan dan diketahui oleh masyarakat terutamanya murid-murid di sekolah. Melalui analisis 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi ini, masyarakat akan mendapat pendedahan tentang kosa kata bahasa Melayu tinggi dan murid-murid dapat menguasai dan mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam pembelajaran. Namun begitu, pelbagai cabaran telah menyebabkan bahasa Melayu tinggi semakin sukar dikuasai seperti penggunaan bahasa Inggeris, bahasa rojak, bahasa slanga dan sebagainya dalam pertuturan seharian masyarakat. Oleh hal yang demikian, permasalahan kajian yang telah dinyatakan menunjukkan penggunaan bahasa Melayu tinggi masih lagi berada ditahap yang lemah. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam buku bahasa Melayu tinggi terpilih dan mengisi kelompangan kajian-kajian terdahulu tentang kosa kata bahasa Melayu tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenal pasti 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam buku bahasa Melayu tinggi yang terpilih.
- ii. Menghuraikan justifikasi pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi.
- iii. Membandingkan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi dengan kosa kata bahasa Melayu rendah.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan kajian Noorhidayah Abu Hasim, et al. (2019: 19), penguasaan kosa kata yang dipengaruhi oleh elemen persekitaran memberikan kesan terhadap proses pembelajaran bahasa. Kajian yang telah dilaksanakan mendapati penggunaan strategi memori dalam mengingat kosa kata dapat meningkatkan penguasaan kosa kata individu. Sebagai contoh, responden kajian dapat mengingat kosa kata bahasa Arab melalui persekitaran kerana teknik ini dapat memudahkan mereka untuk mengingat sesuatu perkataan yang diberikan. Oleh itu, kajian ini dapat membantu dalam proses pemerolehan data kajian analisis penggunaan dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam kalangan guru di sekolah menengah bagi melihat sejauh manakah guru-guru di sekolah menengah menguasai kosa kata bahasa Melayu tinggi melalui persekitaran mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana persekitaran merupakan aspek penting dalam penguasaan kosa kata sesuatu bahasa.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Rashid Md Idris (2013: 220) mendapati guru memainkan peranan yang penting untuk mencapai hasrat memartabatkan penggunaan bahasa Melayu. Guru-guru juga perlu sentiasa berusaha dalam membangunkan bahasa Melayu ke arah mempraktikkan amalan berbahasa Melayu tinggi dan berbudaya dalam kalangan guru di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan berbahasa Melayu tinggi ini dapat membantu murid-murid dalam mempelajari ilmu bahasa yang mempunyai pelbagai peraturan dan meningkatkan kemampuan penggunaan bahasa Melayu tinggi murid-murid di sekolah. Kajian ini memberi kepentingan kepada kajian analisis kosa kata bahasa Melayu tinggi kerana melalui dapatan kajian ini kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dapat dilihat dan ditambahbaik melalui kajian yang akan dilaksanakan.

Berdasarkan kajian Ilanko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Muthalib dan Siti Nor Hamahida Zainal (2014: 49), guru-guru mata pelajaran bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran di sekolah pedalaman Sarawak. Hasil kajian menunjukkan penerapan penggunaan bahasa Melayu kepada murid-murid berbangsa Iban dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid berbangsa Iban di Sarawak. Namun begitu, penguasaan bahasa Melayu dibantu dengan pengajaran menggunakan bahasa Iban bagi menambahkan kefahaman murid-murid. Dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, guru-guru perlu menguasai dan menggunakan bahasa Melayu yang betul bagi memastikan penggunaannya mematuhi peraturan-peraturan bahasa selaras dengan peraturan bahasa Melayu tinggi yang mementingkan ketepatan penggunaannya.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Faizah Abdul Rashid (2022), mendapati penguasaan tatabahasa guru yang lemah menyebabkan penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid bukan bumiputera berada ditahap yang lemah. Hal ini dikatakan demikian guru-guru berperanan untuk mengajarkan kosa kata bagi memperkukuhkan penguasaan tatabahasa murid-murid. Namun begitu, penguasaan tatabahasa guru yang lemah telah menyebabkan murid-murid mengalami kekeliruan dan kesukaran untuk memahami kosa kata yang digunakan. Kajian ini memberi kepentingan kepada kajian analisis 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi kerana melalui dapatan kajian ini guru-guru dapat menambahkan pengetahuan mengenai kosa kata bahasa Melayu tinggi dan mendedahkannya kepada murid-murid.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan data-data yang diperolehi daripada kajian kualitatif. Menurut Norfisah Mat Rabi (2020: 121) kajian kualitatif merupakan pendekatan semula jadi yang dilakukan bagi memahami situasi dalam konteks yang khusus. Kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini merangkumi keadah kepustakaan, iaitu buku “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan buku “Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023). Ketiga-tiga buah buku bahasa Melayu tinggi ini dipilih dan digunakan sebagai bahan rujukan kajian ini kerana ketiga-tiga buku bahasa Melayu tinggi ini menerangkan penggunaan kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam komunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan. Dalam kaedah ini Kamus Dewan juga digunakan sebagai rujukan untuk mencari maksud bagi setiap kosa kata yang dikenal pasti dan kosa kata bahasa Melayu tinggi tersebut akan disenaraikan dan dikelaskan mengikut golongan kata dan bentuk kata yang terdapat dalam bahasa Melayu tinggi.

Dalam kajian ini, proses penganalisan data dilakukan terhadap data yang dikumpul berkaitan kosa kata bahasa Melayu tinggi yang diperolehi daripada tiga buah buku bahasa Melayu tinggi terpilih, iaitu buku “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan buku “Bahasa Melayu tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023). Sebanyak 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi disenaraikan dan dikelaskan mengikut golongan kata dan bentuk kata bahasa Melayu. Kemudian, data yang diperolehi dianalisis bagi melihat struktur kosa kata bahasa Melayu tinggi yang terdapat dalam buku bahasa Melayu tinggi yang dipilih. Berikut merupakan prosedur penganalisan data kosa kata bahasa Melayu tinggi yang diperolehi daripada kajian kepustakaan:

- i. Pengkaji membaca tiga buah buku yang dipilih, iaitu “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan “Bahasa Melayu tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023) terlebih dahulu.
- ii. Pengkaji mengumpulkan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang terdapat dalam tiga buah buku tersebut.
- iii. Pengkaji menyaring 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang diperolehi dan mengelaskannya mengikut golongan kata dan bentuk kata.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam buku bahasa Melayu tinggi yang terpilih. Dalam bahagian ini, 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang telah dianalisis daripada buku bahasa Melayu tinggi yang terpilih akan dihuraikan berdasarkan struktur kosa kata bahasa Melayu tinggi.

Analisis Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi dalam Buku Bahasa Melayu Tinggi yang Terpilih

Berdasarkan tiga buah buku bahasa Melayu tinggi terpilih, iaitu buku “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan “Bahasa Melayu tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023), sebanyak 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi telah dianalisis berdasarkan struktur kosa kata dan penggunaannya dalam komunikasi seharian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kosa kata bahasa Melayu tinggi yang telah dianalisis ini melambangkan keintelektual pengguna dan kemajuan masyarakat kerana mampu berkomunikasi dengan menggunakan laras bahasa yang betul sesuai dengan konteks. Bahasa Melayu tinggi adalah hasil kodifikasi yang memperlihatkan variasi dalam bentuknya, iaitu terdapat sistem atau rumus tertentu yang meliputi aspek leksikal atau aspek bentuk daripada bahasa tersebut (Asmah Haji Omar, 1993: 112).

Berikut merupakan prosedur menganalisis 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi daripada tiga buah buku terpilih, iaitu buku “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan “Bahasa Melayu tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023):

- i. Pengkaji membaca tiga buah buku yang dipilih, iaitu “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan “Bahasa Melayu tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023) terlebih dahulu.
- ii. Pengkaji mengumpulkan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam ayat yang terdapat dalam tiga buah buku tersebut.
- iii. Pengkaji menyaring 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi berdasarkan ayat yang telah dikumpulkan.
- iv. Pengkaji mencari makna kosa kata bahasa Melayu tinggi di dalam kamus.
- v. Pengkaji mencari sinonim perkataan bahasa Melayu tinggi yang diperoleh.
- vi. Pengkaji mengelaskan kosa kata tersebut mengikut golongan kata dan bentuk kata perkataan tersebut.
- vii. Pengkaji membandingkan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi yang diperoleh dengan bahasa Melayu rendah dalam penggunaan ayat.

Kesemua prosedur ini dilakukan bagi memastikan 200 kosa kata yang dipilih merupakan kosa kata bahasa Melayu tinggi. Malahan, melalui prosedur yang dilakukan ini, pengkaji dapat melihat dan membezakan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi dengan kosa kata bahasa Melayu rendah. Melalui prosedur ini juga perbincangan mengenai 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang dipilih ini dapat dilakukan dan diuraikan penggunaannya.

Justifikasi Pemilihan Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi dan Perbandingannya dengan Bahasa Melayu Rendah

Pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam tiga buah buku terpilih ini, adalah berdasarkan struktur kosa kata bahasa Melayu tinggi yang digunakan dalam konteks rasmi. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang digunakan dalam sesuatu konteks rasmi dan tidak digunakan dalam perbualan seharian. Malahan, pemilihan 200 kosa kata berdasarkan tiga buah buku terpilih ini adalah berlandaskan ciri-ciri bahasa Melayu tinggi, iaitu bahasa Melayu tinggi mempunyai bahasa yang sempurna. Dalam erti kata yang lain, bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang berkodifikasi dan berperaturan, iaitu lengkap dengan sistem ejaan, sistem sebutan, sistem tatabahasa dan sistem perkamusan yang sempurna (Abdul Hamid Mahmood, 2000).

Selain itu, pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi dalam tiga buah buku bahasa Melayu tinggi yang terpilih adalah berdasarkan konteks penggunaannya dalam ayat. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang digunakan dalam situasi tertentu dan dapat dibezakan kerana bahasa Melayu tinggi ini bersifat keintelektualan. Misalnya, penggunaan laras ilmu dalam kosa kata bahasa Melayu tinggi ini dapat membezakan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi dengan kosa kata bahasa Melayu rendah berdasarkan tahap penguasaan ilmu seseorang sesuai dengan konsep BMT, iaitu bahasa yang mempunyai keintelektualan. Hal ini dikatakan demikian kerana kosa kata BMT meliputi istilah-istilah dalam pelbagai bidang ilmu yang hanya difahami oleh sesetengah masyarakat dan pakar dalam bidang tersebut.

Dalam pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi ini, kosa kata bahasa Melayu tinggi dapat dikenal pasti melalui pelbagai bidang seperti bidang sains yang mempunyai istilah berkaitan perubatan seperti nama-nama saintifik penyakit hanya difahami oleh pengamal bidang perubatan dan sukar untuk difahami oleh masyarakat yang tidak mempunyai ilmu tentang perubatan. Berikut merupakan contoh perbezaan antara kosa kata BMT dengan kosa kata BMR:

Jadual 1: Perbezaan antara Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi dengan Kosa Kata Bahasa Melayu Rendah

Bil.	Kosa Kata BMT	Kosa Kata BMR	Makna	Contoh Ayat BMT	Contoh Ayat BMR
1.	Leukemia	Barah darah	Penyakit barah darah	Penyakit leukemia yang dialami oleh Ali semakin parah.	Penyakit barah darah yang dialami oleh Ali semakin parah.
2.	Cakna	Ambil berat	Ambil peduli	Murid-murid perlu cakna dengan setiap maklumat yang disampaikan.	Murid-murid perlu ambil berat dengan maklumat yang diberi.

Berdasarkan jadual 1 di atas, perbezaan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi dengan kosa kata bahasa Melayu rendah menunjukkan tahap penguasaan kosa kata dan pengetahuan individu mengenai sesuatu perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana perbezaan kosa kata BMT dengan BMR ini dapat dilihat melalui penggunaan perkataan tersebut dan tahap kefahaman individu mengenai makna perkataan tersebut. Sebagai contoh, penggunaan perkataan /leukemia/ dalam bahasa Melayu tinggi merujuk kepada penyakit dalam istilah sains yang membawa makna penyakit barah dan hanya difahami oleh sesetengah masyarakat. Namun begitu, dalam situasi yang tidak ilmiah penggunaan istilah penyakit barah darah digunakan kerana istilah tersebut lebih mudah difahami oleh masyarakat berbanding menggunakan perkataan /leukemia/. Jelaslah, kosa kata BMT merupakan kosa kata yang lebih kompleks dan kebiasaannya digunakan dalam konteks rasmi.

Sehubungan dengan itu, menurut Abdullah Hassan (2023), bahasa Melayu tinggi itu mempunyai tatabahasa yang rapi dan penggunaan kosa kata bahasa Melayu tinggi itu dapat dibezakan dengan bahasa Melayu rendah. Oleh itu, pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi ini dilihat daripada salah satu aspek struktur bahasa tersebut, iaitu BMT mempunyai tatabahasa yang rapi. Sebagai contoh, penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam sesebuah ayat perlu lengkap dengan imbuhan yang dapat menyempurnakan kosa kata yang digunakan. Berikut merupakan contoh perbezaan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi dan kosa kata bahasa Melayu rendah dengan penggunaan imbuhan yang betul:

Jadual 2: Perbezaan antara Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi dengan Kosa Kata Bahasa Melayu Rendah (Imbuhan)

Bil.	Kosa Kata BMT	Kosa Kata BMR	Makna	Contoh Ayat BMT	Contoh Ayat BMR
1.	mengarahkan	arahkan	Menggerakkan ke arah, menghadap, menghalakan	Beliau telah mengarahkan penduduk kampung itu untuk berpindah dengan segera.	Beliau telah arahkan penduduk kampung itu untuk berpindah dengan segera.

Berdasarkan jadual 2 di atas, penggunaan imbuhan yang betul dapat menyempurnakan kosa kata bahasa Melayu yang digunakan dan menjadikan kosa kata tersebut sebagai kosa kata bahasa Melayu tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan imbuhan yang tepat seperti *meng-* dalam perkataan /mengarahkan/, mematuhi hukum tatabahasa yang membawa maksud menggerakkan ke arah, menghadap atau menghalakan. Manakala, penggunaan perkataan /arahkan/ dalam ayat BMR merupakan kosa kata yang tidak mematuhi peraturan tatabahasa kerana tidak lengkap. Perkataan /arahkan/ seharusnya ditulis dengan perkataan /mengarah-arahkan/ atau /mengarahkan. Oleh itu, perkataan /arahkan/ merupakan golongan bahasa Melayu rendah.

Jelaslah, perbezaan antara kosa kata BMT dengan BMR dapat dilihat melalui penggunaannya dalam ayat dan dapat membezakan antara konteks rasmi dan tidak rasmi dalam sesebuah komunikasi.

Hal ini dikatakan demikian kerana pematuhan terhadap tatabahasa yang rapi itu menjadi tonggak kepada pengelasan sesuatu bahasa sama ada bahasa itu melambangkan keintelektualan pengguna atau tidak. Oleh itu, pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi ini adalah berdasarkan kesempurnaan ayat yang dibina berdasarkan kosa kata yang terdapat dalam sesuatu ayat.

Selain itu, pemilihan 200 kosa kata tinggi dalam tiga buah buku bahasa Melayu tinggi yang terpilih ini adalah berdasarkan penggunaannya dalam pelbagai bidang ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana kosa kata bahasa Melayu tinggi yang terdapat dalam tiga buah buku terpilih ini merupakan kosa kata yang khusus bagi menerangkan sesuatu bidang ilmu. Dengan kata lain, bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu ilmu dengan fikiran yang kompleks berkaitan sesuatu bidang. Misalnya, bahasa Melayu tinggi ini digunakan dalam bidang ilmu, falsafah dan profesional kerana keintelektualannya yang membezakan antara bahasa Melayu rendah dengan bahasa Melayu tinggi. Oleh itu, peristilahan dan perancangan bahasa Melayu tinggi ini dilakukan untuk memperlihatkan perbezaan kosa kata bahasa Melayu tinggi dengan variasi bahasa yang lain.

Pembentukan istilah dalam bahasa Melayu tinggi bermula sejak tahun 1955 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan membentuk istilah bahasa bersifat Melayu sepenuhnya (Nik Safiah Karim 1986: 49). Berikut merupakan contoh istilah bahasa bersifat Melayu sepenuhnya:

Jadual 3: Istilah Bahasa Melayu Bersifat Melayu Sepenuhnya

Bil.	Perkataan Asal (Bahasa Inggeris)	Istilah Bahasa Melayu
1.	Blowpipe	Peniup api; sumpit
2.	Standard pressure	Suhu piawai

(Dipetik daripada Nik Safiah Karim, 1986)

Namun begitu, perkembangan yang berlaku dalam penciptaan istilah telah menyebabkan pencipta istilah tidak lagi berpegang kepada konsep mengekalkan kemurnian mutlak bahasa Melayu (Nik Safiah Karim, 1986: 51). Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa istilah bahasa yang perlu dipinjam daripada bahasa asing bagi menyesuaikan makna perkataan dan memudahkan proses untuk memahami makna yang ingin disampaikan. Oleh itu, peristilahan kosa kata bahasa Melayu tinggi dilakukan bukan sahaja mengistilahkan sesuatu bahasa kepada bahasa Melayu sepenuhnya tetapi peristilahan dilakukan dengan mengambil kira dari aspek fonologi, ejaan dan sebutan Melayu sesuatu kata.

Perkembangan istilah dalam bahasa Melayu tinggi telah berlaku seiring dengan perkembangan ilmu yang semakin meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa ini bidang ilmu tidak terhad kepada pengamalannya sahaja tetapi masyarakat pada masa ini sudah terdedah dengan bahasa-bahasa ilmu disebabkan perkembangan pesat teknologi dan pemikiran masyarakat yang maju. Malahan melalui peristilahan bahasa ini masyarakat dapat meningkatkan pengetahuan mereka berkaitan bidang ilmu tertentu seperti ekonomi, sains, geografi dan sebagainya kerana terdapat istilah bahasa yang digunakan dipinjam daripada bahasa asing bagi memastikan makna kosa kata itu dapat difahami oleh masyarakat dan tidak menimbulkan kekeliruan.

Laras Ilmu sebagai Bahasa Melayu Tinggi

Analisis yang telah dilakukan terhadap 200 kosa kata BMT yang telah disenaraikan mendapati kosa kata tersebut digolongkan ke dalam bahasa Melayu tinggi disebabkan strukturnya yang kompleks dan memisahkan antara satu dialek dengan dialek yang lain. Sehubungan dengan itu, 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang telah disenaraikan ini digolongkan sebagai kosa kata bahasa Melayu tinggi disebabkan keintelektualan bahasa melalui laras bahasa ilmiah yang digunakan untuk menerangkan satu-satu konsep ilmu (Abdul Hamid Mahmood, 2000: 32).

Laras Ilmu Sains

Jadual 4: Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi (Laras Ilmu Sains)

Bil.	Kosa Kata BMT	Makna	Golongan Kata	Contoh Ayat
1.	Simbiosis	Perkaitan hidup antara dua spesies yang berlainan	Kata Nama	Pokok anggrek hidup dalam simbiosis dengan kulat yang membantu menyerap nutrien dari tanah.
2.	Diagnosis	Perbuatan mengenal pasti sesuatu penyakit daripada tanda atau gejala	Kata Kerja	Diagnosis sesuatu penyakit hanya boleh disahkan oleh pegawai perubatan yang terlatih.
3.	Radiografi	(Ubat) penggambaran struktur dalam tubuh pada filem dengan menggunakan sinar-X atau sinar lain	Kata Nama	Teknik radiografi digunakan bagi melihat struktur tulang dalam tubuh badan manusia.

Berdasarkan jadual 4 di atas, terdapat tiga daripada 200 kosa kata yang telah disenaraikan menunjukkan kosa kata bahasa Melayu tinggi berbentuk laras ilmu sains. Hal ini dikatakan demikian kerana kosa kata dalam laras ilmu sains ini digunakan bertujuan menerangkan konsep berkaitan sains kepada pendengar atau pembaca bagi membantu mereka memahami ilmu yang disampaikan. Misalnya, penggunaan perkataan /radiografi/ yang menerangkan tentang penggambaran struktur dalam tubuh pada filem dengan menggunakan sinar-X bagi melihat struktur dalaman tubuh badan manusia dalam bidang sains. Berdasarkan contoh laras ilmu sains yang terdapat dalam jadual 4, struktur kosa kata yang digunakan jelas mengungkapkan sesuatu ilmu dengan tepat dan berkesan sesuai dengan konsep ilmu sains yang dinyatakan.

Laras Ilmu Ekonomi

Jadual 5: Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi (Laras Ilmu Ekonomi)

Bil.	Kosa Kata BMT	Makna	Golongan Kata	Contoh Ayat
1.	Kapitalis	Golongan yang mempunyai modal untuk pelaburan dalam perniagaan, perusahaan dan sebagainya.	Kata Nama	Pada masa ini, golongan kapitalis bersaing untuk mendapatkan keuntungan.
2.	Obligasi	Surat pinjaman oleh kerajaan	Kata Nama	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 2 mendapati dana obligasi sosial daripada syarikat konsesi berjumlah RM37 juta pada 2021 belum diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
3.	Inflasi	Keadaan harga barang bertambah tinggi disebabkan bertambahnya kuasa membeli	Kata Nama	Kerajaan perlu mengatasi masalah inflasi yang berlaku dalam negara.

Berdasarkan jadual 5 di atas, terdapat tiga penggunaan istilah-istilah dalam laras ilmu ekonomi yang dikategorikan sebagai kosa kata bahasa Melayu tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana istilah atau kosa kata yang digunakan dalam bidang ekonomi ini digunakan dalam konteks rasmi bagi menyampaikan maklumat berkaitan ekonomi kepada masyarakat. Sebagai contoh, perkataan /inflasi/ mempunyai makna tersendiri yang menerangkan berkaitan bidang ekonomi kepada pendengar atau pembaca. Melalui penggunaan laras bahasa ekonomi ini dalam komunikasi formal dapat menunjukkan laras ekonomi merupakan salah satu kosa kata bahasa Melayu tinggi kerana laras penggunaannya menyatakan pelbagai konsep ilmu dalam bidang ekonomi.

Oleh hal yang demikian, 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang telah dianalisis daripada tiga buah buku bahasa Melayu tinggi terpilih, iaitu buku “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan buku “Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023), jelas menunjukkan kosa kata yang digunakan dalam laras ilmu merupakan kosa kata yang tergolong dalam bahasa Melayu tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa ilmiah mempunyai sistem atau peraturan bahasa yang lengkap dan sempurna sifatnya sehingga membolehkan penggunaan kosa kata ilmiah itu digunakan dalam bidang tertentu. Malahan, penggunaan kosa kata ilmiah ini dapat menyampaikan maksud dengan tepat tanpa mengelirukan pembaca atau pendengar (Abdul Hamid Mahmood, 2000: 36).

Kata Pinjaman Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu

Jadual 6: Kata Pinjaman Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu

Bil.	Kosa kata Bahasa Inggeris	Kosa Kata BMT	Makna	Golongan Kata	Contoh Ayat
1.	<i>Dictator</i>	Diktator	Pemerintah mutlak, terutamanya yang merampas kuasa tanpa mengikut perlembagaan dan menggunakannya secara zalim	Kata Nama	Rakyat menderita akibat negara diperintah oleh diktator .
2.	<i>Local</i>	Lokal	Bukan diimport	Kata Nama	Kita perlu berpegang teguh pada jati diri lokal .
3.	<i>Global</i>	Global	Meliputi, mempengaruhi atau mengenai seluruh dunia	Kata Nama	Pemanasan global berlaku akibat daripada pencemaran alam.

Berdasarkan jadual 6 di atas, peristilahan kosa kata bahasa Melayu tinggi dapat dilihat dengan pembentukan kata daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu tanpa mengubah makna, sebutan dan ejaan secara menyeluruh tetapi disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kata pinjaman ini digunakan bagi memudahkan pengalihan antarabahasa, memperkaya kosa kata bahasa Melayu dan memudahkan pemahaman masyarakat atau pakar-pakar dalam bidang tertentu untuk memahami makna kosa kata tersebut (Asmah Haji Omar, 1940: 19). Sebagai contoh, perkataan /*local*/ dalam bahasa Inggeris dipinjam dan diserapkan ke dalam bahasa Melayu /*lokal*/ dengan disesuaikan melalui ejaan dan sebutannya tanpa mengubah makna perkataan tersebut.

Justeru itu, peristilahan kosa kata bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu tanpa mengubah makna, sebutan dan ejaan secara menyeluruh tetapi disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu ini dapat membantu meningkatkan penggunaan bahasa Melayu tinggi berbanding penggunaan bahasa Inggeris dalam pelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana mata pelajaran sains dan matematik di sekolah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar tetapi peristilahan ini dapat menjadikan pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dengan adanya peristilahan bidang ilmu dalam bahasa Melayu tinggi.

Berikut merupakan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang dipilih daripada tiga buah buku, iaitu buku “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan “Bahasa Melayu tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023):

Jadual 7: Senarai Kosa Kata Bahasa Melayu Tinggi daripada Buku Terpilih

Bil.	Kosa Kata BMT	Makna	Golongan/ Bentuk Kata	Konteks Penggunaan dalam Ayat
21.	Berhalangan	Mendapat aral (rintangan), menghadapi atau mengalami sesuatu yang menghalang	Kata Terbitan	Saya ingin encik Ahmad memperngurusikan majlis ini tetapi beliau berhalangan .
23.	Cakna	Ambil peduli, ambil berat	Kata Adjektif	Murid-murid perlu cakna dengan setiap maklumat yang disampaikan.
25.	Disempurnakan	Menyempurnakan sesuatu	Kata Kerja	Majlis itu disempurnakan oleh Menteri Pendidikan.
26.	Delegasi	Rombongan yang mewakili sesebuah negara dalam perundingan	Kata Nama	Pada minggu hadapan, kita akan menerima kunjungan delegasi dari China.
27.	Diagnosis	Perbuatan mengenal pasti sesuatu penyakit daripada tanda dan gejala	Kata Kerja	Diagnosis yang akan dijalankan ke atas pesakit perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
28.	Dialog	Kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak, pengucapan, perbincangan atau perundingan	Kata Nama	Dialog yang disampaikan oleh pelakon itu sungguh menarik.
29.	Diskusi	Perbincangan mengenai sesuatu hal	Kata Kerja	Persetujuan umum boleh dicapai melalui diskusi .
Bil.	Kosa Kata BMT	Makna	Golongan/ Bentuk Kata	Konteks Penggunaan dalam Ayat
32.	Daripada	Kata sendi nama yang menyatakan atau menunjukkan orang yang memberi (mengirim)	Kata Nama	Kumpulan yang terlibat terdiri daripada pasukan pemain bola sepak bawah 18 tahun.
33.	Di	Kata sendi nama yang menunjukkan tempat	Kata Sendi Nama	Dia tinggal di Perak.
53.	Fisiologi	Cabang ilmu sains bukan fungsi organisma	Kata Nama	Unit fisiologi itu terletak di aras 2.
54.	Gawat	Bahaya, genting	Kata Adjektif	Negara sedang mengalami keadaan gawat akibat kemerosotan ekonomi.

bersambung

55.	Global	Meliputi, mempengaruhi atau mengenai seluruh dunia	Kata Nama	Pemanasan global berlaku akibat daripada pencemaran alam.
56.	Ghalibnya	Berjaya, beruntung, menang, biasa, lazim	Kata Adjektif	Ghalibnya , kita akan ditindas jika kita tidak mempertahankan hak kita.
57.	Garap	Menggarap, mengusahakan, mengerjakan, menyelesaikan	Kata Kerja	Ara menggarap impiannya untuk mengubah nasib keluarganya.
58.	Giat	Sentiasa atau sering kali membuat sesuatu, aktif, cergas	Kata Kerja	Ahli pengakap sedang giat berusaha untuk memasang khemah.
59.	Globalisasi	Proses yang membolehkan sesuatu (ekonomi, kebudayaan, dsb) disebarkan atau diperluas ke peringkat antarabangsa	Kata Nama	Minda yang cerdas penting dalam menghadapi arus globalisasi ekonomi dunia pada masa ini.
67.	Insentif	Sesuatu yang diberikan atau ditawarkan sebagai dorongan atau galakan	Kata Nama	Atlet negara diberikan insentif bagi meningkatkan kejayaan mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang telah dianalisis ini merupakan kosa kata bahasa Melayu tinggi yang digunakan dalam pelbagai bidang ilmu. Setiap kosa kata yang telah dikenal pasti mempunyai fungsi dan makna tersendiri yang menggambarkan keintelektualan kepada pengguna kosa kata tersebut. Justeru itu, pemilihan 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi daripada tiga buah buku terpilih, iaitu buku “Bahasa Melayu Tinggi Teori Dan Penerapan oleh Nik Safiah Karim” (1986), buku “Menguasai Bahasa Melayu Tinggi oleh Abdul Hamid Mahmood” (2000) dan “Bahasa Melayu tinggi oleh Abdullah Hassan” (2023), adalah berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Malahan, senarai contoh-contoh kosa kata bahasa Melayu yang diberikan oleh penulis buku menjadi rujukan bagi menganalisis dan mengenal pasti kosa kata bahasa Melayu tinggi yang terdapat dalam tiga buah buku tersebut. Kesemua 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang telah disaring dan disenaraikan ini digunakan sebagai data bagi menghuraikan kosa kata bahasa Melayu tinggi yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, 200 kosa kata bahasa Melayu tinggi yang telah disenaraikan telah dihuraikan berdasarkan aspek struktur kosa kata tersebut. Malahan, perbandingan antara kosa kata bahasa Melayu tinggi dengan bahasa Melayu rendah juga dapat dilihat perbezaannya terutama dalam penggunaan ayat. Misalnya, kosa kata yang digunakan dalam bahasa Melayu tinggi itu mematuhi peraturan tatabahasa berbeza dengan bahasa Melayu rendah yang melanggar peraturan tatabahasa dalam binaan ayatnya. Jelaslah, kosa kata bahasa Melayu tinggi itu merupakan bahasa yang rapi sesuai dengan konsepnya, iaitu bahasa yang bersifat akademik dan dapat mencerminkan kebudayaan ilmu seseorang yang menggunakannya.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2000). *Menguasai bahasa Melayu tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Abdullah Hassan. (2023). *Bahasa Melayu tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1940). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dalam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atika Hassan, Duli Kamit & Evelyn Bangkang Jawi. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 40-56. Diperoleh daripada <https://journalarticle.ukm.my/16762/1/254-488-1-SM.pdf>.
- Berita Harian. (2016). Bahasa Melayu dipinggirkan bangsa sendiri. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/09/189597/bahasa-melayu-dipinggirkan-bangsa-sendiri>.
- Berita Harian. (2022). UA, ahli akademik tak boleh culas martabat bahasa Melayu tinggi. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/10/1008402/ua-ahli-akademik-tak-boleh-culas-martabat-bahasa-melayu-tinggi>.
- Berita Harian. (2023). Rakyat Malaysia habiskan hampir tiga jam sehari guna media sosial. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2023/02/1062957/rakyat-malaysia-habiskan-hampir-tiga-jam-sehari-guna-media-sosial>.
- Faizah Abdul Rashid. (2022). Cabaran belajar subjek bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan bumiputera di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 13-22. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/7598/4312>.
- Julaina Nopiah & Noratikah Lawi. (2023). Bahasa Slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 43-59. Diperoleh daripada <https://plm.org.my/wp-content/uploads/2023/12/4.-Bahasa-Slanga-dalam-kalangan-Masyarakat-di-Media-Sosial-Pendekatan-Semantik-Inkuisitif.pdf>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rashid Md Idris. Memartabatkan bahasa Melayu melalui Pendidikan dan mendepani cabaran globalisasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 8, 209-224. Diperoleh daripada <https://iyres.gov.my/images/MJYS/2013/MJYS%20Vol%208%20June%202013-209-224.pdf>.
- Nik Safiah Karim. (1986). *Bahasa Melayu tinggi teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Norfisah Mat Rabi. (2020). *Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noorhidayah Abu Hasim, Nurul Huda Adnan, Nuratiqah Suhaini & Nor Izzuani Izhar. (2019). Pengaruh persekitaran dalam penguasaan kosa kata pelajar KUIM. *The 1st International Language, Culture and Education Conference 2019*. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/337438804_PENGARUH_PERSEKITARAN_DALAM_PENGUASAAN_KOSA_KATA_PELAJAR_KUIM.
- Sinar Harian. (2020). Martabatkan bahasa Melayu tinggi. Diperoleh daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/111327/khas/pendapat/martabatkan-bahasa-melayu-tinggi>.
- Universiti Malaysia Sabah. (2020). Akta Pendidikan 1996. Diperoleh daripada https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&opi=89978449&url=https://www.ums.edu.my/ppuu/images/AKTA_PENDIDIKAN_1996_AKTA_550.pdf&ved=2ahUKEwiqxL3954eEAXWByjgGHRXZAq4QFnoECAQQAQ&usq=AOvVaw1q1Te2TDF3Wc4DZLx5_Ouq.
- Utusan Malaysia. (2021). Bahasa slang cemar imej bahasa Melayu. Diperoleh daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/05/bahasa-slanga-cemar-imej-bahasa-melayu/>.
- Utusan Malaysia. (2022). Sakit hati bahasa Melayu masih terpinggir. Diperoleh daripada <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/03/sakit-hati-bahasa-melayu-masih-terpinggir/>.